

Istikharah halang manusia bersifat sombong

BH 07/03/2018 Ms. 67

stikharah ialah menyerahkannya kepada Allah SWT dengan penuh rasa kelihambaan kerana manusia mempunyai sifat kelemaahan dan keturangan. Justeru, apabila berdepan kebuntuan, segala-galanya diserahkan kepada Allah Maha Mengertui dan Mengasihani.

Antara kelemahan manusia yang ketara ialah tidak tahu se-cara pasti apa yang terbaik untuknya. Jika bersandarkan kepada ilmu yang terbatas, dikhawatir ter-salah dalam membuat keputusan atau tindakan.

Allah SWT tidak membiarkan manusia terumbang-ambing, se-baliknya menunjukkan jalan supaya dapat dijadikan panduan se-

terusnya melaksanakan tindakan sewajarnya. Itulah bukti kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-Nya.

Menerusi sunnah kekasih-Nya, Nabi Muhammad SAW, membawa perintah untuk melaksanakan solat sunat istikharah yang menjadi kunci melapangkan dada, menteramkan jiwa dan menstabilkan fikiran bagi membuat pilihan.

Sungguhpun Nabi Muhammad SAW dikurniakan mukjizat, maksum daripada segala dosa dan diturunkan wahyu kepadanya. Baginda tetap sujud melakukan istikharah sebagai isyarat pengakuan terhadap hakikat diri yang tidak ada.


Istikharah lambang kelemahan hamba di sisi Tuhanneya, tetapi pada masa sama menjadi sumber kekuatan untuk menghadapi cubaan dan dugaan dalam kehidupan. Ia juga menghalang hamba daripada perasaan sombong seolah-olah mengetahui segalagalanya.

Bagaimanapun, tidak semua yang mahu memanfaatkan istikharah dalam mengembalikan jiwanya yang tertekan kepada ketenangan dan masih degil untuk menerahkan kepada kekuasaan Allah SWT.

Solat istikharah hukumnya su-

aitu mengajak manusia kembali merujuk kepada Allah SWT untuk mengeluarkan mereka daripada permasalahan dan berjaya mendepani cabaran.

Justeru, bersedia lah mengaku kalah dan menerahkan kepada yang Maha Mengetahui kerana itu lebih baik. Umat Islam sentiasa diingatkan, kita hanya merancang Allah SWT yang berkuasa menentukan dan Dia adalah sebaik-baik perancang.

Andai yang diharapkan tidak

tercapai, jangan mudah berputus

asa sebaliknya sentiasa berbaik

sangka bahawa Allah SWT ingin

memberi yang lebih baik, yang

tidak terbayang atau tergambar

oleh daya pemikiran manusia.

Rujuk kepada Allah

Istikharah lambang kelemahan hamba di sisi Tuhanneya, tetapi pada masa sama menjadi sumber kekuatan untuk menghadapi cubaan dan dugaan dalam kehidupan. Ia juga menghalang hamba daripada perasaan sombong seolah-olah mengetahui segalagalanya.

Bagaimanapun, tidak semua yang mahu memanfaatkan istikharah dalam mengembalikan jiwanya yang tertekan kepada ketenangan dan masih degil untuk menerahkan kepada kekuasaan Allah SWT.

Solat istikharah hukumnya su-

nit tetapi maksud tersirat di se-baliknya mempunyai nilai besar,